SABTU 19/04/2014 – UTUSAN MALAYSIA

Empat sekolah berentap dikir barat Inggeris hari ini

KUALA TERENGGANU 18 April - Sebanyak empat buah sekolah bakal berentap dalam pertandingan *Kuala Terengganu Western Dikir Showdown* (KTWDS '14) yang akan berlangsung Sabtu ini di kampus Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak dekat sini.

Program anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi UniSZA dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu itu bertujuan mempromosi serta mendedahkan bahasa Inggeris kepada pelajar sekolah menengah di sekitar kampus secara lebih kreatif.

Penasihat program, Nor Jijidiana Azmi dalam satu kenyataan memberitahu, KTWDS'14 yang mempertandingkan persembahan seni tradisional menggunakan bahasa Inggeris sebagai satu keunikan bagi menarik minat pelajar.

"Ini adalah julung kalinya pertandingan dikir barat yang bertemakan bahasa Inggeris dianjurkan oleh pelajar universiti di Kuala Terengganu dan akan disertai oleh sekolah-sekolah yang dipilih.

"Selain memupuk minat dalam kalangan pelajar sekolah terhadap bahasa Inggeris melalui kegiatan berhibur, program ini juga adalah bertujuan mengekalkan seni warisan," katanya.